



---

Fail: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.39 ( 68 )

Tarikh: 28 Mei 2012

## **SIARAN MEDIA**

### **90/10 KONSEP GERAN SEPADAN BAGI PENYELENGGARAAN BAIK PULIH PERUMAHAN KOS RENDAH AWAM**

Putrajaya, 28 Mei - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mula melaksanakan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMKe-10) bagi menyenggara dan membaik pulih perumahan berstrata kos rendah awam di seluruh negara dengan peruntukkan RM40 juta setahun. Kini pihak pengurusan atau jawatankuasa perumahan awam kos rendah di seluruh negara boleh memohon peruntukan kepada Bahagian Penyelaras Pesuruhjaya Bangunan (COB), Jabatan Perumahan Negara melalui geran sepadan 90/10 untuk membaik pulih dan penyelenggaraan perumahan berstrata kos rendah awam.

Pelaksanaan PPP di bawah KPKT dan Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP-1Malaysia) di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWPKB) adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 April 2012 yang mana bersetuju adanya penyelaras PPP dan TP-1Malaysia seperti berikut:

#### **1. Liputan Kawasan Operasi dan Kumpulan Sasaran**

KPKT melaksanakan PPP bagi perumahan berstrata kos rendah awam di seluruh negara manakala KWPKB

melaksanakan TP-1Malaysia bagi perumahan berstrata kos rendah swasta dan kos sederhana rendah swasta di seluruh negara.

## **2. Kadar Geran Sepadan**

Kadar geran sepadan PPP dan TP-1Malaysia diseragamkan kepada 90:10 (90% Kerajaan, 10% pihak pengurusan) bagi perumahan berstrata kos rendah awam dan swasta. Manakala kadar geran sepadan perumahan berstrata kos sederhana rendah swasta adalah 70:30 (70% Kerajaan, 30% pihak pengurusan).

## **3. Skop Kerja**

Skop penyenggaraan PPP dan TP-1Malaysia diseragamkan kepada membaiki/menukar lif, membaiki/menukar bumbung, membaiki tangki air dan sistem retikulasi, penyenggaraan paip sanitari, penyenggaraan tangga/handrail, pendawaian semula, mengecat dan membaiki kerosakan am yang melibatkan harta bersama (*common property*).

Pelaksanaan PPP KPKT bagi tahun 2012 sehingga 28 Mei 2012 adalah 58 projek dengan anggaran kos berjumlah RM39 juta. Pelaksanaan projek-projek 2012 adalah berdasarkan konsep geran sepadan 90:10 (90% oleh pihak Kerajaan dan 10% oleh pihak pengurusan).

Pelaksanaan PPP pada awalnya adalah berdasarkan konsep geran sepadan 50:50 di mana separuh daripada kos penyenggaraan ditanggung oleh pihak Kerajaan melalui PPP manakala separuh lagi perlu ditanggung oleh pihak pengurusan.

Untuk keterangan lanjut dan juga maklumat berkaitan dengan Geran Sepadan bagi Perumahan Berstrata Kos Rendah Awam, boleh berhubung dengan Bahagian Penyelarasan Pesuruhjaya Bangunan (COB di talian 03-8891 4338 atau email [pa\\_cob@kpkt.gov.my](mailto:pa_cob@kpkt.gov.my) .

---

*Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Seri Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.*

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat ([jessy@kpkt.gov.my](mailto:jessy@kpkt.gov.my))

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat  
b.p. Ketua Setiausaha  
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555  
Faks : 03-8891 5557  
e-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)